

**Perdagangan Bebas Akan Galak Jumlah Dagangan Lebih Kukuh, Kata Ketua FGV
Bernama
4 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Perdagangan lebih bebas hasil daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), akhirnya akan meningkatkan dagangan, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures Holdings Bhd Mohd Emir Mavani Abdullah.

Beliau berkata perjanjian itu akan memberi manfaat kepada penanam kelapa sawit tempatan kerana ia akan membolehkan mereka lebih berdaya saing, didorong oleh akses perdagangan yang mudah dan kedudukan Malaysia sebagai pengeksport minyak sawit kedua terbesar.

Perjanjian itu juga akan membuka pasaran eksport baharu seperti Amerika Syarikat, katanya kepada Bernama pada Persidangan dan Pameran Minyak Sawit dan Laurik 2014 Selasa.

Ditanya mengenai penerimaan minyak boleh dimakan di Amerika Syarikat, Mohd Emir berkata permintaan terhadapnya sentiasa ada, "ia hanya lebih kepada mendidik masyarakat mengenai manfaatnya."

Mengenai harga minyak sawit mentah, beliau menjangkakan komoditi itu akan berkisar antara RM2,500 dan RM3,000 setan pada suku pertama sehingga April, menunjukkan situasi semasa bahawa permintaan kukuh walaupun pengeluaran rendah berikutan kemarau yang panjang.

Terdahulu, Mohd Emir yang juga antara penceramah pada persidangan itu, berkata permintaan terhadap produk mampan meningkat terutama dari negara-negara Eropah.

"Kami berurusan dengan ramai pekebun kecil di sini dan mereka sangat bimbang mengenai kemampan kerana ia adalah kos tambahan kepada mereka," katanya.

Tidak lama lagi, Malaysia akan mempunyai standardnya sendiri bagi pengeluaran minyak sawit mampan sebagai alternatif kepada standard sedia ada oleh Meja Bulat Mengenai Minyak Sawit Lestari (RSPO).

Bagaimanapun, Mohd Emir berkata mengguna pakai standard tempatan akan lebih berkesan dari segi kos kepada pekebun kecil memandangkan ia adalah mekanisme tempatan.

"Pekebun kecil mahu mengeluarkan produk yang mampan, tetapi mereka tidak mahu menambah kos pengeluaran," katanya.

RSPO ialah organisasi tidak berlandaskan keuntungan mengeluarkan sijil yang mengesahkan pengeluaran minyak sawit mampan, yang penting bagi sektor perladangan untuk mengeksport produk mereka ke Eropah dan negara-negara Barat lain.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019229>